

Ramzi buktikan usahawan Bumiputera mampu berjaya

Dua sahabat bawa Killiney Kopitiam ke Malaysia, terokai pasaran Asia Barat



NADIBIZ

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bharian.com.my

PERJALANAN hidup beliau penuh rona. Dalam usia yang masih muda pelbagai liku kehidupan pernah diharungi anak bekas bekas mufti Terengganu ini - ada yang manis, tidak kurang juga yang pahit.

Graduan Pengajian Islam dan Bahasa Arab dari Universiti Al-Azhar di Mesir ini pernah berniaga secara kecil-kecilan, menjadi penyarah di institusi pengajian tinggi, setiausaha politik dan pegawai khas kepada Menteri Besar.

Beliau pernah juga berke-

cimpung dalam arena politik dengan bertanding di bawah tiket UMNO menentang tokoh besar yang juga veteran PAS, Datuk Seri Hadi Awang, di kawasan pilihan raya Marang pada 2008. Beliau kalah tipis kira-kira 2,000 undi.

Bekas ketua pelajar dan penerima Anugerah Pelajar Antarabangsa Terbaik University of Edinburgh itu juga pernah diheret ke mahkamah.

Walau apapun, Pengerusi Eksekutif Estinwira Sdn Bhd, Datuk Dr Ahmad Ramzi Mohamad Zubir, 40, tetap

menyifatkan perjalanan dan liku-liku kehidupan dilalui itu sebagai pengalaman tidak ternilai, sesuatu yang tidak dapat diperolehi di universiti.

Menutup tirai dalam politik, beliau beralih angin menyertai Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebagai Pegawai Khas Datuk Seri Idris Jusoh, Pengerusi MARA pada waktu itu.

Pendedahan diterimanya di MARA adalah berbeza, tetapi memberikan impak mendalam kepada Ahmad Ramzi hingga ke hari ini.

Sewaktu di MARA, beliau didedahkan kepada cabaran yang lebih bertumpu kepada halangan dan masalah dihadapi usahawan Bumiputera, khususnya mereka yang baru berjinak dalam dunia perniagaan.

"Saya dapati ramai yang

berminat untuk berniaga tapi tidak tahu nak berniaga apa, tidak tahu bagaimana nak dapatkan modal dan tidak tahu bagaimana nak dapatkan pelanggan.

"Kita cuba dan bantu mereka sedaya mungkin. Tidak seperti bangsa lain, saya dapati ramai orang Melayu tidak mengambil peluang memanfaatkan sepenuhnya skim dan bantuan yang disediakan kerajaan, seperti Tabung Usahawan Siswazah (TUS) dan sebagainya," katanya.

Antara tanggungjawab beliau di MARA ialah menggiatkan pendedahan dan menyedarkan orang Melayu, selain membuka laluan dan memperkemas mereka sebelum menceburi dunia perniagaan.

Beliau juga turut bertanggungjawab membantu



ORANG ramai menjamu selera di Killiney Kopitiam.

pengerusi MARA mengatur strategi untuk bantu usahawan Bumiputera.

Selepas tiga tahun dengan MARA, Ahmad Ramzi bertekad untuk memulakan perniagaan secara serius. (Sebelum ini, beliau terbabit dalam perniagaan secara kecil-kecilan dengan membuka kedai buku dan alat tulis di Kuala Terengganu selepas pulang dari Al Azhar).

Beliau mahu membuktikan bahawa orang Melayu boleh berjaya dalam perniagaan jika memiliki sikap dan melakukannya dengan betul.

Cara terbaik untuk membuktikannya ialah dengan menceburi sendiri bidang itu dan beliau memilih bidang francais makanan dan minuman (F&B).

Bersama rakan, Mohamad Zaki, beliau mendekati ahli perniagaan warga Singapura T S Woon, iaitu pemilik rangkaian Killiney Kopitiam yang adalah antara kopitiam tertua di rantau ini yang dimulakan pada 1919 di Killiney Road, Singapura.

Matlamatnya ialah membeli francais rangkaian Killiney Kopitiam.

Sebagai francaisor induk, pelbagai aspek operasi termasuk bekalan dapat dikawal dengan efektif, khususnya bagi pengguna beragama Islam yang prihatin terhadap isu halal dan haram.

Mohamad Zaki adalah pengendali Killiney Kopitiam di Kuala Terengganu, cawangan Killiney Kopitiam pertama di Pantai Timur dan adalah yang paling berjaya di Malaysia.

Rekod pencapaian Mohamad Zaki mengendalikan kopitiam itu sedikit sebanyak mendorong kepada persetujuan Woon untuk menjual francais Killiney Kopitiam kepada mereka.

Estinwira Sdn Bhd ditubuhkan bagi merealisasikan pembelian itu. Kedua-dua mereka mencagarkan rumah dan tanah masing-masing untuk mendapatkan pinjaman bank.

Perancangan yang teratur banyak membantu dalam menjamin kelancaran operasi Killiney Kopitiam, khususnya pada awal operasinya tahun lalu.

Hari ini Estinwira adalah francaisor induk Killiney


KILLINEY
SINCE 1919

KILLINEY KOPITIAM



Datuk Dr Ahmad Ramzi Mohamad Zubir

- **Umur:** 40 tahun
- **Pendidikan Awal:** Sekolah Rendah St Thomas, Kuantan
- **Sekolah Menengah:** Sekolah Rendah Sultan Sulaiman 1, Kuala Terengganu. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Abdul Malek, Kuala Terengganu. Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. (tamat Thanawi 4)
- **Pengajian Tinggi:**
 - Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu (diploma)
 - Universiti Al-Azhar (BA Pengajian Islam dan Bahasa Arab)
 - Universiti Putra Malaysia (Sarjana Pentadbiran Pendidikan)
 - University of Edinburgh PhD dalam perancangan strategik)
- **Laman web syarikat:** www.killiney-kopitiam.com.



kopitiam di Malaysia dan
sia Barat.

Di Malaysia ia mempunyai
cawangan. 11 daripadanya
dioperasikan secara francais,
anakala satu di Daman-
ra Utama milik Estinwira
ng turut berfungsi sebagai
satu latihan.

Estinwira akan membuka
cawangan pertama kedai
kopi itu di Makkah dan
Dubai akhir tahun ini.

Di Makkah operasi Kil-
liney Kopitiam akan dikem-
dikendalikan Estinwira menerusi
syarikat usaha sama,
manakala di Dubai pula

secara francais oleh seorang
usahawan negara itu.

Di Makkah, Estinwira
mengambil alih ruang res-
toran agak luas di sebuah
hotel baru dibina bersebelah-
han Masjidil Haram mem-
babitkan kos pelaburan
RM1 juta. Ia dijadualkan

beroperasi pada musim haji
tahun ini.

Ahmad Ramzi berkata,
lebih banyak cawangan Kil-
liney Kopitiam akan dibuka
di seluruh negara, dengan
sasaran membuka 50 cawa-
ngan Killiney Kopitiam men-
jelang 2015.

Antara lokasi dikenal pasti
ialah Putrajaya, Puchong,
Cyberjaya, Ara Damansara,
Kuala Lumpur Convention
Centre, Wangsa Maju, UiTM
Shah Alam dan Nusajaya.

Fi francais Killiney Kopy-
tiam paling kompetitif dan
adalah antara terendah
berbanding pengendali F&B
lain.


Menurut Ahmad Ramzi
ia bertujuan menggalakkan
seramai mungkin rakyat
tempatan menceburi bidang
francis F&B kopitiam itu.

Kopi Killiney Kopitiam
diadun daripada pelbagai
jenis biji kopi untuk mem-
berikan rasa istimewa dan
aroma tersendiri. Kami
cadangkan anda cuba
secawan hari ini.



PELBAGAI menu disediakan untuk pelanggan Killiney Kopitiam.



*Saya dapati ramai yang berminat
untuk berniaga tapi tidak tahu
nak berniaga apa, tidak tahu
bagaimana nak dapatkan modal
dan tidak tahu bagaimana nak
dapatkan pelanggan* 

Ahmad Ramzi Mohamad Zubir
Pengerusi Eksekutif Estinwira Sdn Bhd

